

B Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____ yang dijalankan ini untuk mengetahui sambutan masyarakat terhadap seni tenunan songket.
A Kaji selidik
B Temu ramah
C Soal siasat
D Uji kaji
2. Kakak belum memberikan _____ kepada pihak syarikat itu tentang tawaran pekerjaan tersebut.
A kata hati
B suara hati
C kata putus
D ikut hati
3. Semua orang terpegun apabila mendengar suara Nelisa yang merdu bak _____ semasa mendendangkan lagu asli dalam majlis makan malam syarikatnya.
A tinggi lampai
B lemah longlai
C serak basah
D buluh perindu
4. Pelan Resort Santubung yang unik ini ialah hasil _____ seorang arkitek muda.
A susun atur
B daya fikir
C reka cipta
D usaha sama
5. Gerakán tarian tradisional Melayu memang _____ dan begitu mengasyikkan.
A gagah perkasa
B lemah gemalai
C cantik jelita
D tinggi lampai
6. Kebaya yang dipakai oleh pelancong dari England itu memang sesuai kerana dia _____.
A cantik jelita
B lemah gemalai
C gagah perkasa
D tinggi lampai
7. Idzwan dan Liza akan _____ untuk mendendangkan lagu asli semasa persembahan kebudayaan itu.
A berpadu tenaga
B berganding bahu
C bersatu hati
D berpadu suara

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Beberapa orang wartawan sedang _____ Encik Akbar selepas perasmian Karnival Muzik Tradisional.
A menemu duga
B menguji bakat
C menemu bual
D menguji minda
4. Pihak hotel itu mendapat _____ yang positif daripada beberapa orang pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan.
A tindak balas
B maklum balas
C soal selidik
D temu ramah